PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia berkembang 4.5% pada suku keempat

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.5% pada suku keempat 2015 (S3 2015: 4.7%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sederhana, namun terus menjadi pemacu utama pertumbuhan (4.9%; S3 2015: 4.4%). Di samping itu, pertumbuhan disokong oleh peningkatan eksport bersih yang lebih kukuh sebanyak 4.2% pada suku itu (S3 2015: 3.3%). Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara berkembang 1.5% (S3 2015: 0.7%).

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri	91.6	5.7	5.9	4.0	4.0	5.1
Agregat (tidak termasuk stok)	69.2	8.3	7.9	4.4	4.9	6.1
Sektor Swasta	*52.4*	*7.6*	*7.0*	*4.1*	*4.9*	*6.0*
Penggunaan	*16.9*	*11.1*	*11.0*	*5.5*	*5.0*	*6.4*
Pelaburan	22.4	0.6	0.4	2.8	2.1	2.1
Sektor Awam	*13.5*	*2.5*	*4.4*	*3.5*	*3.3*	*4.3*
Penggunaan	*8.9*	*-1.9*	*-4.7*	*1.8*	*0.4*	*-1.0*
Pelaburan	8.6	-4.0	12.8	3.3	4.2	-3.7
Eksport Bersih	*73.0*	*1.9*	*5.1*	*3.2*	*3.7*	*0.7*
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*64.4*	*2.6*	*4.2*	*3.2*	*3.6*	*1.3*
Import Barangan dan Perkhidmatan	**100.0**	**5.7**	**6.0**	**4.7**	**4.5**	**5.0**
KDNK	-	**1.8**	-	**0.7**	**1.5**	-
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)						

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset lain termasuk eksplorasi, penyelidikan & pembangunan, dan lain-lain

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri terus berkembang 4.0% pada suku keempat 2015 (S3 2015: 4.0%). Meskipun persekitaran ekonomi adalah mencabar, perbelanjaan sektor swasta meningkat 4.9% (S3 2015: 4.4%). **Penggunaan swasta** meningkat dengan lebih baik kepada 4.9% (S3 2015: 4.1%), disokong oleh pertumbuhan upah dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Pertumbuhan yang lebih kukuh ini disumbangkan terutamanya oleh peningkatan perbelanjaan dalam kategori pengangkutan apabila isi rumah mengambil keputusan membeli kenderaan lebih awal kerana menjangkakan pelarasan harga kenderaan yang telah diumumkan akan dilaksanakan pada tahun 2016. **Pelaburan swasta** berkembang 5.0% (S3 2015: 5.5%), disokong terutamanya oleh kemajuan projek-projek yang sedang dilaksanakan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan.

Perbelanjaan sektor awam berkembang 2.1% pada suku keempat (S3 2015: 2.8%). **Pelaburan awam** menjadi sederhana kepada 0.4% (S3 2015: 1.8%), berikutan pertumbuhan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang lebih rendah untuk harta tetap. **Penggunaan awam** mencatat pertumbuhan yang mampan sebanyak 3.3% (S3 2015: 3.5%), apabila pertumbuhan yang lebih kukuh dalam emolumen diimbangi oleh peningkatan lebih perlahan dalam perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat pada kadar yang lebih perlahan pada 2.8% (S3 2015: 4.2%), disebabkan oleh pertumbuhan pelaburan awam dan swasta yang sederhana. Mengikut jenis aset, PMTK disokong terutamanya oleh peningkatan berterusan dalam pelaburan untuk struktur (5.1%; S3 2015: 7.0%).

Pertumbuhan disokong sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan pada suku keempat disokong oleh sektor ekonomi utama. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh aktiviti berkaitan penggunaan dan perdagangan. Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sedikit, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan dalam negeri. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Sementara itu, pertumbuhan sektor pertanian menjadi sederhana, mencerminkan pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor perlombongan menguncup akibat pengeluaran minyak mentah dan gas yang lebih rendah.

Sektor perkhidmatan berkembang 5.0% pada suku keempat (S3 2015: 4.4%) disokong oleh perbelanjaan isi rumah dan aktiviti perdagangan. Subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 6.5% (S3 2015: 5.7%), disokong oleh aktiviti penggunaan swasta. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan kekal teguh (9.2%; S3 2015: 9.5%), didorong oleh permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang terus kukuh. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan berkembang 6.2% (S3 2015: 6.5%), diterajui oleh segmen perkhidmatan perniagaan.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan	53.5	6.6	6.5	4.4	5.0	5.1
Perkilangan	23.0	5.4	6.2	4.8	5.0	4.9
Perlombongan	8.9	9.5	3.3	5.3	-1.4	4.7
Pertanian	8.8	-3.7	2.1	2.4	1.3	1.0
Pembinaan	4.4	8.8	11.8	9.9	7.4	8.2
KDNK Benar	**100.0[1]**	**5.7**	**6.0**	**4.7**	**4.5**	**5.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.8**	**-**	**0.7**	**1.5**	**-**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Subsektor pengangkutan dan penyimpanan berkembang 6.0% (S3 2015: 5.6%) disokong oleh aktiviti perdagangan yang bertambah baik. Subsektor kewangan dan insurans mencatat penguncupan yang lebih kecil sebanyak 1.5% (S3 2015: -3.1%) disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam pendapatan faedah bersih dan premium insurans.

Pertumbuhan **sektor perkilangan** lebih tinggi sedikit pada 5.0% pada suku keempat (S3 2015: 4.8%), didorong terutamanya oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam industri berorientasikan dalam negeri dan peningkatan berterusan dalam industri berorientasikan eksport. Pemulihan dalam industri berorientasikan dalam negeri disebabkan terutamanya oleh prestasi kelompok berkaitan

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**38.1**	**6.1**	**5.9**	**3.7**	**4.2**	**4.6**
Kewangan & insurans	12.9	2.4	2.3	-3.1	-1.5	-0.7
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	8.0	8.3	8.0	6.5	6.2	6.6
Pengangkutan & penyimpanan	6.6	6.0	5.2	5.6	6.0	5.7
Maklumat & komunikasi	10.6	9.7	9.7	9.5	9.2	9.4
Perkhidmatan Akhir	**61.9**	**6.9**	**7.0**	**4.8**	**5.4**	**5.5**
Perdagangan borong & runcit	27.4	9.4	8.9	5.7	6.5	6.9
Makanan & minuman dan penginapan	5.2	7.5	6.5	5.8	5.9	6.4
Utiliti	4.8	3.9	3.8	3.1	3.2	3.5
Perkhidmatan Kerajaan	16.3	4.7	6.1	3.2	4.6	4.0
Perkhidmatan lain	8.2	4.7	4.8	4.8	4.6	4.7
Jumlah Perkhidmatan	**100.0[1]**	**6.6**	**6.5**	**4.4**	**5.0**	**5.1**

[1] Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks				
Indeks Sentimen Pengguna MIER	83.0	94.5	70.2	63.8	69.6
Indeks Perdagangan Runcit MIER	92.9	99.7	93.3	77.9	83.4
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	107.6	108.8	116.5	89.8	97.9
	Perubahan tahunan (%)				
Ketibaan pelancong	-1.9	6.7	-2.3[1]	n.a.	-7.7[3]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	-0.2	5.0	6.1	-3.8[2]	1.1[4]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	2.7	2.7	2.7	3.1	3.1
Jumlah pinjaman terkumpul	9.3	9.3	9.7	7.9	7.9
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	7.5	7.5	10.3	8.2	8.2
Import barangan penggunaan	3.0	5.7	27.2	38.5	24.2
Jumlah jualan kenderaan bermotor	3.8	1.6	2.5	4.1	0.0
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	12.8	8.3	7.7	5.4	7.9

[1] July-Ogos 2015
[2] Okt-Nov 2015
[2] Jan-Ogos 2015
[3] Jan-Nov 2015

Sumber: Pelbagai sumber

Prestasi Sektor Perkilangan

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**7.2**	**6.2**	**4.8**	**5.0**	**4.9**
Industri berorientasikan eksport	6.1	5.9	5.8	5.5	5.6
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	9.1	6.9	3.2	4.1	3.7
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**5.0**	**6.1**	**4.7**	**4.8**	**4.8**
Industri berorientasikan eksport	**5.2**	**5.6**	**5.2**	**4.7**	**4.8**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**9.7**	**11.8**	**10.6**	**10.7**	**9.2**
Antaranya:					
Elektronik	6.0	10.6	3.5	5.7	0.7
Keluaran elektrik	14.4	13.5	27.7	24.7	32.1
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**2.9**	**2.5**	**2.3**	**1.5**	**2.5**
Antaranya:					
Kimia dan keluaran kimia	7.9	3.6	1.6	1.9	4.6
Keluaran petroleum	1.8	0.6	2.1	-0.2	1.2
Keluaran getah	-0.8	-1.3	6.9	7.0	5.1
Pemprosesan di luar estet	-5.5	5.1	-0.9	-1.9	-3.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**4.4**	**7.7**	**3.0**	**5.0**	**4.7**
Kelompok berkaitan pembinaan	**3.6**	**4.3**	**3.9**	**4.8**	**4.5**
Antaranya:					
Keluaran berkaitan pembinaan	5.3	5.1	3.7	3.7	4.5
Keluaran logam yang direka	0.6	2.8	4.2	6.9	4.6
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**5.1**	**11.2**	**2.1**	**5.1**	**4.8**
Antaranya:					
Kelengkapan pengangkutan	1.1	14.4	2.2	3.7	5.2
Makanan, minuman & keluaran tembakau	10.5	7.4	2.5	7.4	4.8

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

pengguna yang bertambah baik ekoran pengeluaran makanan, minuman dan tembakau serta kelengkapan pengangkutan yang lebih tinggi. Industri berorientasikan eksport, bagaimanapun, mencatat pertumbuhan lebih sederhana sedikit apabila peningkatan pertumbuhan kelompok elektronik dan elektrik (E&E) diimbangi prestasi kelompok berkaitan sumber yang lebih lembap.

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan menurun kepada 75% pada suku keempat (S3 2015: 77%)

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan oleh penggunaan kapasiti yang lebih rendah dalam industri berorientasikan eksport (77%; S3 2015: 80%) dan industri berorientasikan dalam negeri (69%; S3 2015: 70%).

Pertumbuhan **sektor pembinaan** meningkat 7.4% pada suku keempat (S3 2015: 9.9%), disokong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam dan kediaman. Aktiviti dalam subsektor kejuruteraan awam disokong oleh projek petrokimia dan projek berkaitan pengangkutan, manakala aktiviti pembinaan perumahan untuk pasaran umum dan mewah menyokong pertumbuhan subsektor kediaman. Subsektor bukan kediaman meningkat dengan lebih perlahan dalam keadaan aktiviti pembinaan yang berkurang dalam segmen harta tanah perindustrian dan komersial.

Pertumbuhan **sektor pertanian** menjadi sederhana kepada 1.3% (S3 2015: 2.4%), disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang lebih rendah akibat keadaan cuaca berjerebu yang teruk pada suku itu. Sementara itu, **sektor perlombongan** merosot 1.4% (S3 2015: 5.3%) disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih rendah.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	9.7	12.8	14.0	11.2	12.1
Kediaman	18.3	22.2	8.3	8.7	10.9
Bukan kediaman	23.5	17.1	13.9	3.6	13.9
Kejuruteraan awam	-8.0	1.2	19.0	23.3	11.9
Pertukangan khas[1]	7.7	16.7	17.5	4.4	8.0
Kelulusan perumahan	8.0	4.2	-44.5	-18.5	-25.3
Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan					
Simen hidraulik	9.9	6.6	14.7	11.9	14.8
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	27.3	32.8	8.4	-15.3	3.4
Produk porselin dan seramik lain	29.6	20.9	17.1	12.2	20.0
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	-13.3	-3.8	-8.2	21.1	-2.2
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	7.7	0.9	8.6	3.2	4.8
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	24.9	0.3	-24.0	-5.5	3.8
Pengeluaran	17.8	12.7	5.4	-13.4	-0.6

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**100**	**-3.7**	**2.1**	**2.4**	**1.3**	**1.0**
Tanaman Industri	**60.9**	**-8.4**	**0.1**	**3.6**	**1.4**	**0.4**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	46.9	-8.0	2.4	4.1	1.3	1.3
Getah	7.1	-25.5	-19.2	5.3	22.2	6.9
Tanaman Makanan	**39.1**	**6.2**	**6.4**	**0.5**	**1.3**	**2.0**
Antaranya:						
Perikanan	10.7	2.2	2.1	-3.2	2.5	0.6
Ternakan	10.7	8.8	7.9	2.0	0.4	2.4

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai ditambah (pada harga malar tahun 2010)	**9.5**	**3.3**	**5.3**	**-1.4**	**4.7**
Pengeluaran					
antaranya:					
Minyak mentah dan kondensat	15.9	4.3	8.3	0.9	10.7
Gas asli	3.1	1.6	1.3	-5.2	-2.0

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi menurun pada suku keempat

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 2.6% pada suku keempat 2015 (S3 2015: 3.0%). Kategori *pengangkutan* mencatat inflasi negatif yang lebih besar sebanyak -5.7% (S3 2015: -1.1%) disebabkan oleh penurunan harga bahan api dalam negeri pada suku itu berikutan harga minyak global yang rendah. Walau bagaimanapun, kadar inflasi negatif bagi kategori *pengangkutan* ini diimbangi sebahagiannya oleh peningkatan lebih besar dalam inflasi makanan dan rokok pada suku itu. Harga sayur-sayuran segar, ikan dan makanan laut meningkat disebabkan oleh kekurangan bekalan akibat keadaan cuaca yang buruk. Harga rokok dinaikkan lebih daripada 20% pada bulan November 2015 susulan kenaikan duti eksais terhadap produk tembakau.

Pada asas tahunan, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) terus menurun, walaupun pada kadar yang lebih perlahan pada suku keempat (S4 2015: -2.4%; S3 2015: -5.4%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh harga bagi kategori *mineral, bahan api galian dan pelincir* serta *minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran serta lemak* yang lebih rendah disebabkan harga komoditi global yang lebih rendah. Berikutan itu, harga komponen berkaitan komoditi merosot 10.8% (S3 2015: -18.1%), manakala harga komponen bukan berkaitan komoditi meningkat 1.9% pada suku itu (S3 2015: 1.7%).

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja terus stabil pada suku keempat[1]. Kadar pengangguran kekal tidak berubah pada 3.2% (S3 2015: 3.2%), dengan penyertaan tenaga kerja yang mampan (67.6% daripada jumlah tenaga kerja; S3 2015: 67.6%).

Walaupun keadaan pasaran pekerja secara keseluruhannya stabil, beberapa tanda kelemahan mulai kelihatan, seperti yang ditunjukkan oleh pengambilan pekerja yang lebih perlahan dalam pasaran pekerjaan.

Penunjuk Pasaran Pekerja



[a] Awalan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Indeks Harga Pengguna

Kategori	Wajaran (%) (2010=100)	S3 2015	S4 2015
		Pertumbuhan tahunan, %	
Jumlah	**100.0**	**3.0**	**2.6**
Makanan dan minuman bukan beralkohol	30.3	4.1	4.5
Perumahan, air,elektrik, gas dan bahan api lain	22.6	2.6	2.5
Pengangkutan	14.9	-1.1	-5.7
Lain-lain	32.2	4.1	5.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Berdasarkan data awalan.

Permintaan terhadap pekerja baharu lebih sederhana pada suku keempat berdasarkan jumlah iklan jawatan kosong baharu yang lebih rendah di Jobstreet.com. (54,569 jawatan; S3 2015: 62,100). Pengurangan meliputi keseluruhan sektor, dengan penurunan yang nyata dalam sektor minyak dan gas serta subsektor perkhidmatan kewangan. Maklum balas[2] yang diterima daripada peserta industri baru-baru ini menunjukkan bahawa perancangan untuk mengambil pekerja kekal rendah, apabila banyak majikan tidak bercadang menambah tenaga kerja berikutan ketidakpastian dalam keadaan permintaan global dan dalam negeri.

Dalam sektor perkilangan, agregat upah nominal meningkat dengan teguh sebanyak 7.4% pada suku keempat (S3 2015: 5.1%). Peningkatan ini didorong oleh prestasi yang menggalakkan dalam sektor berorientasikan eksport tertentu, terutamanya sektor elektrik dan elektronik serta subsektor kimia. Namun demikian, guna tenaga dalam sektor ini secara relatif tidak berubah (S4 2015: pertumbuhan -0.2% dalam pekerjaan), menunjukkan bahawa majikan meningkatkan pengeluaran melalui penggunaan kapasiti pekerja yang lebih tinggi dan bukan melalui penambahan tenaga kerja. Dalam subsektor perdagangan pengedaran[3], pertumbuhan upah lebih sederhana sebanyak 4.6% (S3 2015: 5.2%), disebabkan kenaikan upah yang lebih perlahan dalam subsektor perdagangan runcit dan jualan kenderaan bermotor. Namun demikian, pekerjaan dalam subsektor ini terus berkembang (2.6%; S3 2015: 2.9%).

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku keempat

Lebihan **akaun semasa** meningkat kepada RM11.4 bilion, bersamaan dengan 3.9% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) pada suku keempat 2015 (S3 2015: RM5.1 bilion atau 1.8% daripada PNK), disebabkan terutamanya oleh lebihan barangan yang lebih besar dan defisit pendapatan yang lebih kecil. Bagi tahun 2015, akaun semasa mencatat imbangan lebih

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**0.2**	**6.3**	**5.5**	**8.1**	**1.9**
Perkilangan	80.2	1.8	7.1	10.8	12.5	6.5
E&E	*35.6*	*5.5*	*8.1*	*14.2*	*9.6*	*8.5*
Bukan E&E	*44.6*	*-0.9*	*6.4*	*8.1*	*14.8*	*5.0*
Berasaskan sumber	*22.3*	*-4.5*	*4.9*	*-0.6*	*2.7*	*-3.9*
Bukan berasaskan sumber	*22.3*	*3.6*	*8.2*	*18.6*	*29.4*	*15.7*
Komoditi	19.2	-5.0	3.9	-12.7	-7.3	-13.4
Mineral	*10.6*	*-2.4*	*6.2*	*-24.8*	*-14.4*	*-20.5*
Pertanian	*8.6*	*-8.8*	*0.5*	*3.5*	*3.8*	*-2.8*
Import Kasar	**100.0**	**4.6**	**5.3**	**2.9**	**3.7**	**0.4**
Barangan pengantara	58.2	12.2	7.6	-5.3	-1.5	-2.2
Barangan modal	14.0	-0.2	-2.4	4.8	0.6	0.1
Barangan penggunaan	9.1	3.0	5.7	27.2	38.5	24.2
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.7	-11.6	4.1	20.6	9.0	-0.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**–**	**21.0**	**82.5**	**22.2**	**30.4**	**94.3**

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Imbangan Pembayaran[1]

	2014		2015		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**5.7**	**47.3**	**5.1**	**11.4**	**34.0**
(% daripada PNK)	*2.1*	*4.4*	*1.8*	*3.9*	*3.0*
Barangan	29.4	113.4	27.1	30.9	108.9
Perkhidmatan	-5.5	-11.2	-5.9	-6.2	-20.5
Pendapatan primer	-13.2	-37.3	-10.3	-8.2	-32.2
Pendapatan sekunder	-5.0	-17.6	-5.9	-5.0	-22.2
Akaun Kewangan	**-26.6**	**-81.6**	**-31.2**	**5.3**	**-53.3**
Pelaburan langsung	-2.5	-18.4	-0.3	5.7	0.2
Aset	*-9.9*	*-53.1*	*-7.0*	*-2.8*	*-37.4*
Liabiliti	*7.5*	*34.6*	*6.7*	*8.5*	*37.6*
Pelaburan portfolio	-20.3	-38.5	-24.4	15.9	-28.2
Aset	*0.3*	*-28.1*	*0.6*	*5.6*	*-9.2*
Liabiliti	*-20.6*	*-10.4*	*-25.0*	*10.3*	*-19.0*
Derivatif kewangan	0.2	-1.0	-0.1	0.1	-0.5
Pelaburan lain	-4.0	-23.6	-6.4	-16.4	-24.9
Kesilapan dan ketinggalan[2]	9.1	-2.5	43.1	-22.7	24.1
Imbangan Keseluruhan	**-11.5**	**-36.5**	**17.0**	**-6.0**	**3.7**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti bukan pemastautin di Malaysia.
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Bank Negara mengadakan pertemuan dan perbincangan secara aktif dengan firma dan perniagaan untuk mendapatkan pandangan sebenar pengamal industri mengenai keadaan ekonomi, termasuk berkaitan dengan pasaran pekerja.

[3] Subsektor perkhidmatan perdagangan pengedaran terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit, serta kenderaan bermotor.

rendah sebanyak RM34.0 bilion atau 3.0% daripada PNK (2014: RM47.3 bilion atau 4.4% daripada PNK)

Pada suku keempat 2015, eksport kasar mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 8.1% (S3 2015: 5.5%), disokong terutamanya oleh peningkatan menyeluruh eksport perkilangan dan kemorosotan lebih kecil eksport komoditi. Sementara itu, import kasar terus meningkat 3.7% (S3 2015: 2.9%), mencerminkan import lebih tinggi merentas kategori utama. Oleh itu, lebihan dagangan adalah lebih tinggi pada RM30.4 bilion (S3 2015: RM22.2 bilion).

Pertumbuhan eksport perkilangan didorong sebahagian besarnya oleh prestasi kukuh keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber, terutamanya jentera, kelengkapan dan peralatan, serta keluaran logam. Eksport keluaran elektrik dan elektronik (E&E) juga meningkat, disokong terutamanya oleh permintaan untuk mesin pejabat dan pemprosesan data automatik, dan mesin elektrik. Pemulihan positif dalam eksport perkilangan berasaskan sumber turut menyumbang kepada pertumbuhan eksport perkilangan. Sementara itu, penurunan lebih kecil dalam eksport komoditi disebabkan oleh harga komoditi utama yang lebih baik pada suku keempat, dan permintaan lebih tinggi untuk semua komoditi, kecuali getah.

Dari segi destinasi, eksport ke negara rakan perdagangan utama terus kukuh. Eksport ke AS, China dan EU khususnya terus mencatat pertumbuhan dua angka yang mantap. Eksport yang meningkat ke AS didorong terutamanya oleh keluaran E&E. Bagi EU, di samping permintaan lebih tinggi untuk keluaran E&E, eksport juga didorong oleh peralatan optik dan saintifik. Eksport ke China sebahagian besarnya disokong oleh keluaran logam perkilangan dan produk petroleum. Eksport ke rantau ini, termasuk ASEAN, juga bertambah baik pada suku keempat.

Import kasar terus meningkat pada suku keempat 2015. Import penggunaan mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan oleh import makanan dan minuman serta barangan pengguna tahan lama dan separuh tahan lama yang lebih tinggi. Import modal turut mencatat pertumbuhan kecil, sejajar dengan pelaburan swasta yang terus meningkat. Peningkatan import untuk dieksport semula, terutamanya keluaran logam juga menyumbang kepada pertumbuhan import kasar. Sementara itu, import barangan pengantara mencatat penurunan lebih kecil, berikutan penurunan lebih kecil import bekalan perindustrian dan peningkatan lebih tinggi import peralatan dan aksesori untuk kelengkapan pengangkutan.

Defisit **akaun perkhidmatan** meningkat sedikit kepada -RM6.2 bilion (S3 2015: -RM5.9 bilion),

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2015 (%)	2014		2015		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**9.4**	**16.9**	**10.9**	**20.3**	**18.4**	**14.4**
Kesatuan Eropah (EU)	**10.1**	**7.9**	**11.5**	**13.8**	**13.0**	**8.4**
Jepun	**9.5**	**0.8**	**4.3**	**-7.4**	**-6.7**	**-10.7**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.6**	**5.0**	**5.7**	**5.5**	**7.7**	**2.6**
Timur Laut Asia	**24.0**	**-9.2**	**3.2**	**10.0**	**7.1**	**3.0**
Republik Rakyat China	*13.0*	*-15.6*	*-4.9*	*25.7*	*10.8*	*10.0*
Hong Kong SAR	*4.7*	*-3.9*	*18.5*	*-0.9*	*1.0*	*-0.5*
Korea	*3.2*	*0.6*	*6.6*	*-4.4*	*-10.0*	*-9.7*
China Taipei	*3.0*	*1.9*	*13.2*	*-14.1*	*25.0*	*-3.5*
West Asia[2]	**2.8**	**-2.8**	**-5.7**	**5.5**	**-3.3**	**-4.1**
India	**4.1**	**16.0**	**23.9**	**-14.4**	**7.8**	**-0.7**
Jumlah eksport	**100.0**	**0.2**	**6.3**	**5.5**	**8.1**	**1.9**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan terutamanya oleh pembayaran lebih besar untuk perkhidmatan perniagaan lain dan perkhidmatan pembinaan selaras dengan aktiviti berkaitan perdagangan dan pelaburan yang lebih giat. Ini lebih daripada mengimbangi peningkatan lebihan perjalanan berikutan pertambahan ketibaan pelancong pada suku tersebut.

Defisit akaun **pendapatan primer** menurun kepada -RM8.2 bilion (S3 2015: -RM10.3 bilion), mencerminkan terutamanya pendapatan pelaburan langsung yang lebih tinggi yang terakru kepada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, khususnya dalam sektor perkhidmatan. Pendapatan daripada pelaburan langsung luar negeri dalam sektor perlombongan juga menyumbang kepada peningkatan ini, disebabkan terutamanya oleh kos pengeluaran yang lebih rendah. Pendapatan pelaburan terakru kepada pelabur langsung asing pada S4 2015 juga lebih tinggi, terutamanya dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Sementara itu, pembayaran bersih dalam akaun **pendapatan sekunder** lebih rendah pada -RM5.0 bilion (S3 2015: -RM5.9 bilion) disebabkan penerimaan lebih tinggi dalam keadaan kiriman wang luar negeri yang lebih rendah.

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.3 bilion (S3 2015: -RM31.2 bilion), apabila pelaburan langsung dan pelaburan portfolio kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih.

Akaun **pelaburan langsung** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.7 bilion (S3 2015: -RM0.3 bilion), apabila tanggungan liabiliti pelaburan langsung, yang sebahagian besarnya Pelaburan Langsung Asing (Foreign Direct Investment, FDI) (RM8.5 bilion; S3 2015: +RM6.7 bilion), lebih daripada mengimbangi pengumpulan aset pelaburan langsung, yang sebahagian besarnya merupakan Pelaburan Langsung Luar Negeri (Direct Investment Abroad, DIA) (RM2.8 bilion; S3 2015: -RM7.0 bilion).

Mengikut prinsip arah aliran, DIA oleh syarikat Malaysia meningkat kepada RM6.8 bilion (S3 2015: -RM5.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemberian pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi kepada subsidiari. Sumbangan modal ekuiti lebih rendah disebabkan beberapa penjualan pegangan pelaburan yang besar pada suku keempat. Sebahagian besar DIA disalurkan kepada sektor perlombongan, disusuli oleh sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor kewangan dan insurans; dan subsektor maklumat dan komunikasi.

FDI meningkat dengan ketara kepada RM12.5 bilion (S3 2015: RM4.7 bilion), disebabkan terutamanya oleh ambilan pinjaman antara syarikat yang lebih tinggi oleh subsidiari syarikat multinasional yang beroperasi di Malaysia dan suntikan modal ekuiti yang mampan. Aliran FDI pada suku tersebut sebahagian besarnya adalah dalam sektor perkilangan, terutamanya dalam industri elektrik dan elektronik, dan sebahagian kecilnya dalam industri petrokimia. Pelaburan dalam sektor perlombongan dan perkhidmatan, terutamanya subsektor kewangan dan insurans, juga besar.

Akaun **pelaburan portfolio** kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM15.9 bilion (S3 2015: -RM24.4 bilion), disebabkan aliran masuk bersih yang disumbangkan oleh pelabur bukan pemastautin dan pelabur pemastautin. Aliran masuk bersih oleh pelabur bukan pemastautin berjumlah RM10.3 bilion (S3 2015: -RM25.0 bilion). Sentimen pelabur secara amnya bertambah baik pada suku keempat, didorong oleh kepastian yang lebih baik mengenai pengaturan masa dan kadar untuk mengembalikan semula dasar monetari kepada keadaan yang wajar oleh Fed di AS, serta langkah pelonggaran monetari tambahan yang diambil oleh bank-bank pusat utama. Ini telah menyebabkan pembelian bersih sekuriti hutang, terutamanya Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) manakala pelupusan sekuriti ekuiti

adalah lebih rendah. Pelaburan portfolio oleh pemastautin turut mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.6 bilion (S3 2015: RM0.6 bilion), disebabkan terutamanya oleh kematangan sekuriti hutang mata wang asing luar pesisir yang dipegang oleh institusi kewangan domestik, yang lebih daripada mengimbangi pemerolehan sekuriti asing yang lebih tinggi.

Akaun **pelaburan lain** mencatat aliran keluar sebanyak RM16.4 bilion (S3 2015: -RM6.4 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran keluar bersih yang lebih tinggi dalam sektor perbankan. Aliran keluar bersih dalam sektor perbankan mencerminkan terutamanya deposit institusi kewangan bukan pemastautin yang matang dalam sistem perbankan domestik. Di samping itu, bank-bank Malaysia juga melakukan penempatan dana dalam institusi kewangan asing. Dalam sektor swasta bukan bank, aliran keluar bersih mencerminkan terutamanya pemberian bersih kredit perdagangan oleh pengeksport Malaysia. Sementara itu, sektor awam juga mencatat aliran keluar bersih, sebahagian besarnya disebabkan oleh bayaran balik pinjaman jangka panjang oleh perusahaan awam.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat defisit sebanyak RM6.0 bilion pada suku keempat (S3 2015: +RM17.0 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E&O) berjumlah RM22.7 bilion atau -5.8% daripada jumlah perdagangan, sebahagiannya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM833.7 bilion, bersamaan dengan USD192.2 bilion atau 72.1% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September: RM852.9 bilion atau USD189.9 bilion, bersamaan dengan 73.7% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih rendah disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih peminjaman luar pesisir, serta kesan penilaian daripada pengukuhan ringgit berbanding dengan sebahagian besar mata wang. Ini sebahagiannya diimbangi oleh pemegangan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin.

Peminjaman luar pesisir menurun 5.4% kepada RM463.6 bilion pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September: RM489.9 bilion). Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir menurun 2.0%, mencerminkan pembayaran balik bersih oleh institusi perbankan dan perusahaan awam. Institusi perbankan mencatat pembayaran balik bersih peminjaman

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2014	2015	
	akhir Dis	akhir Sept	akhir Dis
	RM bilion		
Peminjaman luar pesisir[1]	371.1	489.9	463.6
Bersamaan dengan USD bilion	*105.2*	*109.1*	*106.9*
Jangka sederhana dan panjang	*211.4*	*295.7*	*285.9*
Sektor awam	93.1	135.3	128.3
Sektor swasta	118.3	160.4	157.6
Jangka pendek	*159.7*	*194.3*	*177.7*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	223.3	198.9	211.3
Jangka sederhana dan panjang	*162.4*	*171.7*	*184.1*
Jangka pendek	*60.9*	*27.2*	*27.2*
Deposit bukan pemastautin	87.7	82.8	81.6
Lain-lain[2]	65.5	81.2	77.2
Jangka sederhana dan panjang	*10.5*	*12.5*	*11.9*
Jangka pendek	*55.0*	*68.7*	*65.3*
Jumlah hutang luar negeri	**747.5**	**852.9**	**833.7**
Bersamaan dengan USD bilion	*211.8*	*189.9*	*192.2*
Hutang Luar Negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	67.5	73.7	72.1
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	48.6	43.7	42.2
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	1.1	1.1	1.2[5]
Hutang Luar Negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	33.5	42.4	40.1
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	43.0	39.6	38.3
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	2.5	2.1	2.3[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada hutang mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan permastautin dan hutang jangka pendek lain.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Januari 2016.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

antara bank daripada entiti perbankan asing dalam kumpulan manakala pembayaran balik oleh perusahaan awam mencerminkan terutamanya pembayaran balik pinjaman antara syarikat. Pembayaran balik bersih ini mengimbangi ambilan bersih pinjaman antara syarikat oleh syarikat swasta bukan bank.

Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin mencakupi 25.3% daripada hutang luar negeri. Pemegangan ini meningkat pada suku keempat, dengan pemerolehan sebahagian besarnya tertumpu pada Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan sebahagian kecilnya pada Nota Monetari Bank Negara (Bank Negara Monetary Notes, BNMN). Pemerolehan ini lebih daripada mengimbangi pelupusan Bil Perbendaharaan Malaysia yang dipegang oleh bukan pemastautin, yang menyusut sebanyak RM1.8 bilion kepada RM3.3 bilion (terkumpul) pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September: RM5.1 bilion).

Deposit bukan pemastautin dalam sektor perbankan domestik menyusut sedikit kepada RM81.6 bilion pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September: RM82.8 bilion). Sementara itu, liabiliti hutang lain Malaysia menyusut kepada RM77.2 bilion pada akhir bulan Disember 2015 (akhir bulan September: RM81.2 bilion), mencerminkan terutamanya penyelesaian kredit perdagangan dan perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus dengan lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri adalah untuk tempoh jangka sederhana dan panjang (57.8%). Memandangkan kira-kira 36% daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam denominasi ringgit, kesan turun naik pertukaran asing adalah agak terbendung. Berikutan paras yang tinggi perolehan mata wang asing dan aset luaran milik sektor swasta, hutang jangka pendek tidak memerlukan tuntutan segera terhadap rizab antarabangsa. Tambahan lagi, rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah RM409.1 bilion (bersamaan dengan USD95.3 bilion) pada 31 Disember 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 29 Januari 2016, kedudukan rizab berjumlah RM410.1 bilion (bersamaan dengan USD95.5 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.4 bulan import tertangguh serta jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran dengan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luar negeri dan perolehan eksport.

Defisit fiskal lebih rendah pada 3.2% daripada KDNK pada tahun 2015

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus menyokong pertumbuhan pada suku keempat 2015, dengan jumlah perbelanjaan bersih sebanyak RM72.9 bilion (S3 2015: RM61 bilion). Perbelanjaan mengurus meningkat kepada RM57.5 bilion (S3 2015: RM52.3 bilion) disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan pembangunan juga meningkat kepada RM15.5 bilion (S3 2015: RM8.7 bilion) dan disalurkan terutamanya untuk sektor pendidikan dan perdagangan dan industri. Hasil kekal stabil pada RM56.0 bilion (S3 2015: RM56.3 bilion), didorong oleh kutipan cukai pendapatan syarikat dan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) yang lebih tinggi. Pada keseluruhan tahun, Kerajaan Persekutuan mencapai sasaran defisit fiskal pada 3.2% daripada KDNK (2014: 3.4% daripada KDNK). Jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM630.5 bilion atau 54.5% daripada KDNK pada akhir tahun 2015.

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2014		2015[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	59.6	220.6	56.3	56.0	219.1
% pertumbuhan tahunan	*-2.3*	*3.4*	*-4.9*	*-6.0*	*-0.7*
Perbelanjaan mengurus	59.7	219.6	52.3	57.5	217.0
% pertumbuhan tahunan	*1.6*	*3.9*	*-1.2*	*-3.8*	*-1.2*
Akaun semasa	**-0.1**	**1.0**	**4.0**	**-1.4**	**2.1**
% daripada KDNK	***-0.03***	***0.1***	***1.4***	***-0.5***	***0.2***
Perbelanjaan pembangunan bersih	16.4	38.5	8.7	15.5	39.3
% pertumbuhan tahunan	*2.2*	*-5.5*	*7.5*	*-5.7*	*2.2*
Imbangan keseluruhan	**-16.5**	**-37.4**	**-4.7**	**-16.9**	**-37.2**
% daripada KDNK	***-5.7***	***-3.4***	***-1.6***	***-5.6***	***-3.2***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	76.1	258.0	61.0	72.9	256.3
% pertumbuhan tahunan	*1.7*	*2.4*	*-0.1*	*-4.2*	*-0.7*
Jumlah Hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	582.8	582.8	623.3	630.5	630.5
% daripada KDNK	*52.7*	*52.7*	*53.9*	*54.5*	*54.5*
Hutang dalam negeri	414.7	414.7	435.1	433.1	433.1
% daripada KDNK	*37.5*	*37.5*	*37.6*	*37.4*	*37.4*
Hutang luar negeri	168.2	168.2	188.3	197.4	197.4
% daripada KDNK	*15.2*	*15.2*	*16.3*	*17.1*	*17.1*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*151.4*	*151.4*	*166.0*	*176.0*	*176.0*
% daripada KDNK	*13.7*	*13.7*	*14.4*	*15.2*	*15.2*
Peminjaman luar pesisir	*16.8*	*16.8*	*22.2*	*21.5*	*21.5*
% daripada KDNK	*1.5*	*1.5*	*1.9*	*1.9*	*1.9*

[a] Awalan

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia